

# Buletin Fakta

*Buletin tahunan terbitan Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES) yang memaparkan isu-isu berkaitan belia di Malaysia dan berkongsi tentang aktiviti - aktiviti kajian dan program yang dianjurkan*

## *Menarik Edisi Ini*

**Bekerja dalam Ekonomi Gig:  
Kelebihan dan Kekurangan**

**Cabaran Kewangan Belia:  
Implikasi Hutang dan  
Pengurusan Kewangan**

**Pengenalan Sistem  
MyProfil bagi Modul  
Sukarelawan IYRES**

Institut Penyelidikan  
Pembangunan Belia Malaysia  
(IYRES)

Tel : 03-8871 3417

Faks: 03-8871 3342

E-mel : [info@iyres.gov.my](mailto:info@iyres.gov.my)

Laman sesawang : [www.iyres.gov.my](http://www.iyres.gov.my)

## **Ekonomi Gig sebagai alternatif belia dalam menjana pendapatan**

*Oleh : Rozahidah Roslee & Nur Syuhada Mokhzan*



Ekonomi Gig merupakan satu pekerjaan yang semakin popular dan menjadi pilihan dalam kalangan generasi muda pada masa kini. Ekonomi Gig, yang juga dikenal sebagai ekonomi sambilan atau *on-demand*, merujuk kepada model pekerjaan di mana individu bekerja sebagai pekerja bebas untuk menyelesaikan tugas-tugas tertentu. Dengan kemajuan teknologi dan peningkatan ketersediaan platform digital, semakin banyak golongan muda yang memilih untuk bekerja dalam sektor Ekonomi Gig bagi memanfaatkan peluang untuk menjana pendapatan tambahan yang fleksible .

Hal ini dapat dibuktikan oleh Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC) yang melaporkan bahawa jumlah pekerja ekonomi gig yang didaftarkan mencapai 2.2 juta. Seterusnya, laporan Tinjauan Makroekonomi Belanjawan 2021 dari Kementerian Kewangan turut mencatat bahawa terdapat 140 platform penyedia perkhidmatan Ekonomi Gig di Malaysia yang melibatkan seramai 540,000 pekerja.

Kesimpulannya, dari perbagai sumber telah menunjukkan bahawa majoriti belia memilih untuk bekerja dalam sektor Ekonomi Gig kerana menawarkan tempoh masa pekerjaan yang fleksibel dan bersifat autonomi (Hedvall dan Gustavsson, 2022).

## SEBAB BELIA TERTUMPU KEPADA EKONOMI GIG

67.1%	Sukar mendapat pekerjaan tetap
55.1%	Sukar mendapat pekerjaan setara pendidikan
55.0%	Sebagai sumber pendapatan sampingan
52.9%	Masa kerja fleksibel
36.8%	Terkesan dengan pandemik Covid-19
26.5%	Tidak mahu terikat dengan kontrak kerja
22.7%	Meningkatkan kemahiran sendiri
14.2%	Menggunakan servis pekerja berkemahiran dengan kos rendah

(Sumber: Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES) 2023)

### Implikasi terhadap organisasi yang menggaji pekerja gig

Sektor Ekonomi Gig turut dilihat telah memberikan kesan terhadap organisasi pekerja ekonomi gig itu sendiri. Hal ini menurut hasil tinjauan mendapati, 26.1% responden berpandangan bahawa pekerja ekonomi gig boleh menarik diri dari melaksanakan tugas yang diterima secara tiba-tiba. Perkara ini sebenarnya telah memberi kesan dan cabaran terhadap organisasi bagi mendapatkan pekerja lain dalam tempoh masa yang singkat. Selain itu, isu-isu negatif yang berbangkit dengan pekerja gig lazimnya turut memberi implikasi terhadap imej organisasi yang menggajikan mereka, antaranya:

- **Pendapatan yang tidak konsisten**

Hasil dapatan kajian dari IYRES, 2023 mendapati, 75.7% belia bersetuju bahawa Ekonomi Gig menawarkan pendapatan yang tidak konsisten dan 18.5% menyatakan ia membawa lebih tekanan serta menyebabkan stres. Individu yang bergantung sepenuhnya dengan sektor Ekonomi Gig terkesan dengan ketidaktentuan ekonomi. Nurul Hafiza Labin dan Dzurizah Ibrahim (2023) mendapati bahawa tekanan psikologikal yang tinggi berlaku kepada pekerja Ekonomi Gig disebabkan oleh ketidaktentuan pemerolehan pendapatan.

- **Tiada jaminan keselamatan semasa bekerja**

54.0% belia yang menyertai tinjauan yang dijalankan menyatakan bahawa, pekerjaan di sektor Ekonomi Gig tidak mempunyai jaminan keselamatan (IYRES, 2023). Hak pekerja yang tidak dilindungi akta yang khusus menjadikan mereka tidak boleh bersuara waima untuk kebajikan semasa mereka jua.

- **Lambakan pekerja dalam bidang yang sama**

Sesetengah sektor Ekonomi Gig menjadi tumpuan sebagai contoh pekerjaan *p-hailing*. Jumlah pekerja (*supply*) yang ramai berbanding peluang kerja (*demand*) menjadikan mereka terpaksa bersaing untuk mendapatkan peluang yang sama. 47.3% responden kajian bersetuju dengan kenyataan ini (IYRES, 2023). Selain itu, hal ini boleh dikaitkan dengan peluang organisasi bagi mendapatkan pekerja dengan kos yang lebih rendah.

- **Penipuan secara digital atau scam**

Penggunaan platform secara dalam talian bagi sebarang transaksi atau urusanniaga menjadikan maklumat individu sentiasa mudah diakses. Tinjauan mendapati, 42.4% responden bersetuju sektor Ekonomi Gig membuka ruang bagi penipuan secara digital (IYRES, 2023). Etika penggunaan internet dan kawalan tingkah laku yang baik adalah perlu bagi melindungi maklumat peribadi serta perlu disemai dalam diri setiap individu (Shariffah Mamat et al, 2023)



# 5 Kelebihan Ekonomi Gig

## 1. Masa Fleksibel:

Pekerja dapat menyesuaikan waktu kerja mereka mengikut keperluan dan keutamaan peribadi serta pengurusan masa yang fleksibel.

## 2. Pembangunan Teknologi Digital:

Memberi peluang kepada individu untuk memanfaatkan kemajuan teknologi dan menjana pendapatan melalui kemahiran atau perkhidmatan mereka.

## 3. Inovasi dan Kecekapan dalam Perniagaan:

Model Ekonomi Gig memacu inovasi dan kecekapan perniagaan. Syarikat boleh mengakses tenaga buruh dengan kemahiran khusus mengikut keperluan projek tertentu tanpa perlu membayar gaji tetap.

## 4. Peluang Pekerjaan Tambahan:

Ekonomi Gig memberi peluang kepada individu untuk memperoleh pendapatan tambahan. Ini membolehkan pekerja mempunyai lebih daripada satu sumber pendapatan atau mencari kerja sampingan tanpa terikat dengan pekerjaan sepenuh masa.

## 5. Kepelbagaian Pekerjaan:

Individu boleh mencuba pelbagai jenis pekerjaan dan projek dalam pelbagai industri. Ini boleh membantu mereka mengembangkan kemahiran yang pelbagai dan meningkatkan daya saing dalam pasaran kerja.

(Sumber: [https://relevan.com.my/2022/12/02/baik-buruk-bekerja-di-sektor-ekonomi-gig/#google\\_vignette](https://relevan.com.my/2022/12/02/baik-buruk-bekerja-di-sektor-ekonomi-gig/#google_vignette))

# 5 Kelemahan Ekonomi Gig

Walau bagaimanapun, pekerjaan Ekonomi Gig ini mempunyai cabaran dan kelemahan yang tertentu. Menurut Kingsley (2014), sebahagian besar Ekonomi Gig adalah bergantung kepada platform digital. Contohnya penggunaan aplikasi *GrabCar* atau *Foodpanda* yang memerlukan akses internet dan ini mungkin tidak dapat disediakan di wilayah terpencil atau kawasan membangun seperti di sesetengah kawasan Sabah atau Serawak. Selain itu, artikel ini turut membincangkan lima kelemahan utama dalam Ekonomi Gig iaitu :

## 1. Tiada pendapatan yang tetap dan terjamin:

Pekerja ekonomi gig sering mengalami ketidakpastian dalam pendapatan mereka. Tiada jaminan gaji tetap, dan pendapatan mungkin berbeza-beza bergantung pada tahap pekerjaan atau permintaan projek mahupun perkhidmatan.

## 2. Ketidakstabilan Kewangan:

Pendapatan yang tidak terjamin menyebabkan pekerja ekonomi gig menghadapi masalah ketidakstabilan kewangan dan menyukarkan perancangan kewangan jangka panjang.



### 3. Kekurangan Faedah dan Perlindungan Pekerja:

Pekerja ekonomi gig selalunya tidak mendapat faedah seperti insurans kesihatan, insurans pengangguran, insurans kemalangan dan dana persaraan. Ini boleh menyebabkan mereka terdedah kepada risiko kesihatan dan kewangan.

### 4. Kerja yang Berlebihan:

Sesetengah pekerja ekonomi gig, terutamanya dalam sektor pengangkutan atau penghantaran barang serta makanan, mereka terpaksa bekerja secara berlebihan untuk mencapai pendapatan yang diinginkan. Ini akan memberikan kesan negatif kepada kesihatan dan keseimbangan kehidupan.

### 5. Potensi Eksploitasi:

Sesetengah platform Ekonomi Gig mungkin mengenakan bayaran yang tinggi atau mengambil kesempatan daripada keperluan pekerja ekonomi gig, yang boleh mengakibatkan eksploitasi ekonomi terhadap mereka.

**“Perkembangan Era Digital telah mengubah pandangan generasi muda terhadap kehidupan dan peluang pekerjaan. Generasi kini lebih mengutamakan fleksibiliti dan kebebasan dalam memilih kerjaya”**

Ts. Dr. Sabariah Musa  
Jabatan Pembangunan Pembelajaran Maya  
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)

Di Malaysia, Pekerjaan Gig semakin dikenali dalam kalangan belia dan berkembang mengikut kemajuan teknologi serta perubahan gaya hidup. Berikut merupakan peluang Pekerjaan Gig di Malaysia:

**1. E-hailing:** Menawarkan perkhidmatan GrabCar, MyCar, Makcik Travel.com (perempuan sahaja), Maxim, Mula dan RidingPink (perempuan).

**2. Freelance Jobs:** Menawarkan perkhidmatan Favser, Freelancer, Kaodim dan Servis Hero.

**3. Pengajar separuh masa:** Menawarkan kursus pendek seperti kelas seni, kelas muzik dan lain - lain secara atas talian atau fizikal.

**4. Pekerjaan Perkhidmatan Pembantu Rumah:** Menawarkan perkhidmatan pembersihan rumah, tukang kebun, atau pembaikan rumah.

**5. Pekerjaan Reka Bentuk atau Seni:** Menawarkan perkhidmatan reka bentuk grafik, ilustrasi, fotografi atau seni bebas.

**6. Pekerjaan dalam Pemasaran Digital:** Menawarkan perkhidmatan pemasaran digital seperti pengurusan media sosial atau kempen pengiklanan dalam talian.

**7. Penulis Maklumat Atau Pendapat Secara atas Talian:** Menawarkan perkhidmatan menulis artikel di laman sosial atau blog.

**8. Pekerjaan di Bidang Teknologi Informasi (IT):** Menawarkan perkhidmatan *Web Developer*, *Database Administrator* dan *Data Scientist*.

**9. Penghantar Makanan:** Menawarkan perkhidmatan Misi Rakyat, *Foodpanda*, *Deliver Eat*, *TapauJe*.

**10. Penghantar Barang:** Menawarkan perkhidmatan *Lalamove*, *Matdespatch* atau *TheLorry*.

(Sumber: <https://edubestari.com/senarai-kerja-ekonomi-gig/>)



## “Pinjaman kenderaan, pendidikan dan pinjaman peribadi penyumbang terbesar kepada keberhutangan dan kebangkrapan dalam kalangan belia”

Sumber: Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES), 2024

Oleh: Nur Syuhada Mokhzan & Nur Shazwanie Rosehan

Pinjaman kenderaan, pendidikan dan pinjaman peribadi merupakan antara sumber pembiayaan utama dan penting bagi golongan belia dalam memenuhi keperluan hidup mereka. Walau bagaimanapun, pinjaman tersebut berkemungkinan menjadi satu perangkap yang serius jika golongan belia tidak mempunyai perancangan kewangan yang bijak. Berdasarkan hasil kajian daripada Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia melalui kajian Polling Keberhutangan dan Kebankrapan dalam Kalangan Belia mendapati bahawa, 34.7% (354 orang) menyatakan pendapatan bulanan mereka tidak mencukupi dan majoriti mempunyai pendapatan bulanan antara RM1,000.00 sehingga RM3,000.00 sebulan.

Berdasarkan dapatan kajian ini juga, dapat disimpulkan bahawa masalah utama yang dihadapi oleh golongan belia dalam konteks pinjaman atau pembiayaan kewangan adalah:

- 1) Kurangnya Literasi atau Pendidikan Kewangan:** Kebanyakan golongan belia mungkin tidak memahami sepenuhnya implikasi pinjaman atau pembiayaan yang mereka ambil dan tidak menyedari akan risiko kebangkrapan atau keberhutangan yang tinggi jika tidak dapat menguruskan hutang mereka dengan bijak (Izyani & Khadijah 2019).
- 2) Kebergantungan terhadap hutang:** Golongan belia mungkin cenderung untuk bergantung kepada pinjaman sebagai cara untuk memenuhi keperluan segera tanpa memikirkan kesan dalam jangka panjang. Hal ini boleh menyebabkan mereka jatuh ke dalam siklus hutang yang berlarutan (Rubayah Yakob et.al., 2015).
- 3) Kurangnya Pengalaman dalam Pengurusan Kewangan:** Golongan belia mungkin tidak mempunyai pengalaman atau pengetahuan yang mencukupi dalam pengurusan kewangan, menyebabkan mereka sukar untuk membuat keputusan yang bijak berkaitan dengan pinjaman dan pembayaran hutang (Rubayah Yakob et.al., 2015).
- 4) Menetapkan Matlamat Kewangan yang Tidak Realistik:** Golongan belia sering kali memiliki impian dan matlamat yang tinggi, namun tidak mempunyai perancangan kewangan yang jelas untuk mencapainya. Hal ini boleh menyebabkan mereka mengambil inisiatif dengan membuat permohonan pembiayaan atau pinjaman dalam jumlah yang tidak praktikal atau melebihi kemampuan mereka untuk membayar semula (Azman Ab Rahman et.al., 2023).

Justeru, untuk mengelakkan keberhutangan dan kebangkrapan dalam kalangan belia, sangat penting untuk memberikan pendidikan kewangan yang wajar kepada mereka sejak dari peringkat sekolah lagi. Hal ini termasuklah, memberikan pemahaman tentang konsep hutang, pengurusan kewangan dan kepentingan dalam membuat perancangan kewangan yang bijak. Selain itu, penting juga untuk memastikan bahawa, terdapat sumber maklumat dan sokongan yang mencukupi untuk golongan belia yang menghadapi masalah kewangan supaya mereka dapat mencari bantuan yang relevan dengan segera sekiranya diperlukan.

## Isu berkaitan keberhutangan dan kebangkrapan dalam kalangan belia melibatkan beberapa faktor yang penting untuk difahami:

**Beban Hutang Tinggi:** Golongan belia sering terdedah kepada hutang yang tinggi kerana terpaksa menanggung kos pengajian tinggi termasuk yuran pengajian dan kos sara hidup. Selain itu, mereka juga mungkin terlibat dalam pembiayaan seperti kenderaan, perumahan dan gaya hidup sosial yang melebihi kemampuan (Mahdzan et al. 2020).

**Ketidakstabilan Pekerjaan:** Golongan belia mungkin mempunyai pendapatan yang tidak stabil atau tidak mencukupi, terutamanya jika mereka masih dalam proses mencari pekerjaan tetap atau memulakan kerjaya baharu. Hal ini boleh menyebabkan golongan belia mengalami kesukaran dalam mengurus hutang dan membuat pembayaran ansuran secara bulanan (Shamsudin, A. S et.al., 2018)

**Kekurangan Pendidikan Kewangan:** Kebanyakan belia masa kini tidak mempunyai pengetahuan yang mencukupi tentang pengurusan kewangan, termasuklah pengurusan hutang dan pengurusan kewangan peribadi. Dalam konteks ini, kurangnya kesedaran tentang risiko hutang dan keperluan untuk membuat perbelanjaan yang bijak boleh menyebabkan mereka terjerumus dalam masalah hutang yang serius (Khoo & Nor, 2021).

**Tekanan Sosial dan Budaya:** Tekanan sosial dan budaya untuk menunjukkan kecemerlangan melalui pembelian barangan mewah atau gaya hidup mewah mungkin menggalakkan golongan muda berbelanja melebihi kemampuan. Hal ini boleh menyebabkan bebanan hutang yang tidak dapat diuruskan dengan baik (Murugiah, 2016).

**Kadar hutang pada masa kini sangat membimbangkan di mana anggaran 47% golongan muda mempunyai kadar hutang yang serius.**

Abdul Basit  
Guru Pengurus Bisnes

**"Kebankrapan dalam kalangan belia merupakan satu situasi yang serius dan memberikan kesan jangka masa panjang terhadap kewangan, emosi serta keselamatan. Selain itu, isu ini boleh menyebabkan tekanan mental yang serius, hilangnya harta benda, dan kesukaran untuk mendapatkan pinjaman atau pembiayaan kewangan pada masa akan datang."**

Nurauliani  
Pensyarah  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor



**Kesukaran Memulakan Kehidupan Sendiri:** Golongan belia yang baru memasuki alam dewasa mungkin menghadapi kesukaran untuk memulakan kehidupan mereka sendiri dengan tanggungjawab dan komitmen kewangan. Golongan ini mungkin terpaksa bergantung kepada komitmen hutang untuk membantu memenuhi keperluan asas mereka (Laily Paim, 2017).

**Kesan Psikologi:** Beban hutang yang tinggi dan ancaman muflis boleh menyebabkan tekanan emosi serta kebimbangan yang serius kepada golongan muda. Hal ini boleh menjejaskan prestasi akademik, perhubungan sosial dan kesihatan mental mereka secara keseluruhan (Nuraisyah Arya, 2020).

Oleh itu, sangat penting untuk sentiasa melaksanakan inisiatif dalam meningkatkan usaha celik kewangan dalam kalangan golongan muda, memberikan sokongan untuk pengurusan hutang dan memberikan pendidikan tentang kepentingan mengurus kewangan dengan bijak sejak dari tahap pendidikan rendah. Selain itu, perlu adanya program sokongan dan bimbingan yang sewajarnya untuk membantu golongan muda mengatasi masalah kewangan serta mengelakkan kebangkrutan dalam kalangan belia.

Berikut dikongsikan dapatan kajian yang berkaitan :

### Amalan Pengurusan Hutang

Saya melangsaikan hutang apabila mempunyai lebihan wang.  
**Selalu (63.2%) 645 orang**

Saya membuat pembayaran pinjaman mengikut jadual.  
**Selalu (61.0%) 622 orang**

Saya memperuntukkan wang simpanan pada setiap bulan bagi membayar hutang.  
**Selalu (32.4%) 330 orang**

Saya meminjam wang dari keluarga apabila menghadapi masalah kewangan.  
**Selalu (16.9%) 172 orang**

Saya meminjam wang daripada ceti haram.  
**Selalu (1.3%) 13 orang**

Berdasarkan data yang diberikan, kebanyakan responden membuat pembayaran hutang secara teratur, namun hanya sebahagian kecil yang meminjam dari keluarga atau sumber yang tidak sah seperti ceti haram, menunjukkan kecenderungan yang positif dalam pengurusan kewangan walaupun masih terdapat ruang untuk meningkatkan kesedaran akan risiko kewangan.

(Sumber: Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES), 2024 )

## Pengetahuan dalam Pengurusan Hutang

**97.4%**

Bersetuju pinjaman menyebabkan individu menanggung bebanan hutang.

**78.8%**

Bersetuju pembelian secara tunai lebih berkos rendah berbanding secara kredit.

**76.4%**

Bersetuju seseorang penjamin bagi sesebuah pinjaman turut boleh diisytiharkan muflis.

**72.0%**

Bersetuju simpanan adalah lebihan pendapatan setelah ditolak perbelanjaan.

**21.2%**

Bersetuju semakin panjang tempoh bayaran balik pinjaman semakin rendah kos keseluruhan pinjaman tersebut.

**12.4%**

Bersetuju pinjaman peribadi dapat menyelesaikan bebanan hutang.

Berdasarkan hasil dapatan kajian diatas, majoriti berpendapat bahawa pinjaman menyebabkan individu menanggung bebanan hutang dan pembelian secara tunai lebih berkos rendah daripada secara kredit. Tambahan pula, sebahagian besar juga bersetuju bahawa penjamin bagi pinjaman boleh diisytiharkan muflis, dan simpanan adalah lebihan pendapatan selepas perbelanjaan. Walau bagaimanapun, terdapat persetujuan yang lebih rendah terhadap pendapat bahawa semakin panjang tempoh bayaran balik pinjaman akan mengurangkan kos keseluruhan, dan pinjaman peribadi dapat menyelesaikan bebanan hutang.

(Sumber: Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES), 2024)





## Kesedaran Dalam Pengurusan Hutang

**93.9%**

Berpandangan bahawa berhutang bukanlah satu jalan yang baik untuk menyelesaikan masalah kewangan.

**90.8%**

Menghadkan perbelanjaan kad kredit.

**85.5%**

Sedar bahawa bayaran pendahuluan yang tinggi akan mengurangkan kos sesebuah pinjaman.

**77.9%**

Perlu bekerja sampingan untuk membiayai kos sara hidup.

**61.1%**

Memperuntukan 10% daripada pendapatan bulanan sebagai simpanan tetap.

**6.5%**

Menggunakan wang pinjaman untuk berhibur.

Berdasarkan statistik tersebut, majoriti bersetuju bahawa berhutang bukanlah satu jalan yang terbaik untuk menyelesaikan masalah kewangan, dan menghadkan perbelanjaan kad kredit merupakan langkah yang disokong. Tambahan pula, sebahagian besar turut menyedari bahawa bayaran pendahuluan yang tinggi dapat mengurangkan kos pinjaman, dan pentingnya bekerja sambil untuk membiayai kos sara hidup. Akhir sekali, sebahagian kecil bersetuju bahawa penggunaan wang pinjaman untuk berhibur, manakala majoriti tidak menyokong tindakan tersebut.

(Sumber : Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (2024) )

## Cabaran Kewangan yang Dihadapi oleh Golongan Belia dalam Fasa Peralihan

Golongan belia yang berumur antara 15 hingga 30 tahun didapati sering mengalami situasi kewangan yang sukar. Hal ini kerana, mereka sedang melalui fasa peralihan daripada bergantung kepada keluarga kepada fasa membina kehidupan dan kerjaya sendiri.

Berdasarkan beberapa hasil dapatan kajian tempatan mendapati bahawa, golongan belia masih belum mempunyai pengalaman yang mencukupi dalam konteks pengurusan kewangan mereka. Kebanyakan daripada mereka menghadapi tekanan sosial yang tinggi kerana ingin mendapatkan barang-barang mewah atau mengikuti gaya hidup tertentu.

Selain itu, golongan belia juga dikatakan mudah terpengaruh dengan keinginan untuk menunjukkan status sosial atau populariti, dan hal ini berpotensi mendorong mereka untuk mengambil komitmen berhutang bagi memenuhi kehendak tersebut.

Hasil dapatan kajian IYRES (2024) juga melaporkan bahawa seramai 77.9% golongan belia perlu melakukan pekerjaan sampingan untuk membiayai kos sara hidup mereka.

Dalam dunia yang semakin kompleks dan cabaran tekanan sosial, golongan belia menghadapi cabaran kewangan yang serius apabila mereka beralih ke alam dewasa.

Kekurangan pengalaman dalam menguruskan kewangan, tekanan untuk memenuhi piawai gaya hidup dan keperluan dalam mencari pendapatan tambahan adalah antara faktor utama yang mempengaruhi kestabilan kewangan belia.

Walau bagaimanapun, pendidikan kewangan yang efisien dan pelaksanaan strategi pengurusan kewangan yang bijak, golongan belia berupaya mengatasi halangan ini dan membina asas kewangan yang kukuh.



# IYRES PERKASA SUKARELAWAN MENERUSI MYPROFIL

Oleh: Nur Aqilah Syazwani Mohd Nor

Kementerian Belia dan Sukan (KBS) kini mempunyai seramai 232,928 orang sukarelawan berdaftar, namun daripada jumlah itu, seramai 5,000 orang yang terlibat aktif dalam program Sukarelawan Anak Malaysia (SATRIA). Usahasama antara Bahagian Pembangunan Rakan Muda KBS dan IYRES telah berjaya menghasilkan satu modul pengurusan sukarelawan di dalam Sistem MyProfil IYRES yang diharap dapat meningkatkan bilangan individu untuk turun padang dalam menyantuni golongan sasaran.

## Tujuan Pembangunan

Modul ini dibangunkan bertujuan untuk mewujudkan satu pangkalan data sukarelawan di bawah Kementerian Belia dan Sukan (KBS) di samping dapat memudahkan proses mobilisasi sukarelawan yang lebih sistematik dan teratur.

Selain itu, modul ini juga membenarkan penganjur dan SATRIA untuk membuat penilaian secara dua hala, di mana KBS boleh menilai tahap prestasi setiap individu yang terlibat dalam program sukarelawan dan SATRIA serta menilai tahap pencapaian penganjuran program yang dilaksanakan oleh KBS.

## Permohonan Projek

Semua sukarelawan SATRIA yang telah berdaftar di dalam Sistem MyProfil layak memohon untuk menyertai pelbagai program sukarelawan yang dianjurkan oleh KBS di seluruh Malaysia. Terdapat 2 kaedah pendaftaran memandangkan sistem ini boleh diakses melalui *web browser* dan *mobile apps*.

### i. Menggunakan Web Browser

- Daftar dan log masuk sistem <https://myprofil.iyres.gov.my/>
- Kemaskini maklumat profil individu
- Buat permohonan di Tawaran Iklan

### ii. Menggunakan Mobile Apps

- Muat turun aplikasi MyProfil IYRES di Playstore atau AppStore
- Daftar dan log masuk
- Kemaskini maklumat profil individu
- Buat permohonan di Tawaran Iklan

Individu yang telah disenarai pendek akan mendapat maklumat berkenaan mobilisasi melalui emel sebelum sesuatu program dilaksanakan. KBS dan IYRES menjangkakan tahun 2025 akan menyaksikan Malaysia dilanda gelombang sukarelawan berskala besar.



**JOM SERTAI SATRIA**  
Skuad Bantuan Pasca Bencana dan Sukarelawan  
Program Anjuran KBS

**DAFTAR SEKARANG**  
[myprofil.iyres.gov.my](https://myprofil.iyres.gov.my)

SUKARELAWAN ANAK MALAYSIA  
**SATRIA**





INSTITUTE FOR  
YOUTH RESEARCH  
MALAYSIA

## Profil IYRES

Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES) merupakan agensi di bawah kementerian Belia dan Sukan (KBS) dan merupakan pusat penyelidikan nasional yang mengkaji pelbagai aspek aliran dan pembangunan generasi muda dan kaitannya dengan perubahan yang berlaku di peringkat nasional, serantau dan antarabangsa (Akta Pertubuhan dan Pembangunan Belia 2001 (Akta 668) )

## Sidang Redaksi

### Ketua Pengarang

Dr.Vellapandian Ponnusamy

### Penolong Ketua Pengarang

Puan Shahhanim Yahya

### Editor / Pereka Grafik

Cik Nur Syuhada Mokhzan

Puan Asnida Abd. Hamid

### Penulis

- 1.Cik Nur Syuhada Mokhzan
2. Puan Rozahidah Roslee
3. Puan Nur Shazwanie Rosehan
4. Cik Nur Aqilah Syazwani Mohd Nor

